

Rompin, Kuantan dilanda banjir

**NIK AMIRULMU'MIN NIK MIN,
MUHYIDDIN SALLEH**

ROMPIN - Lebih 600 penduduk di kawasan Kuala Rompin dipindahkan ke sembilan pusat pemindahan sehingga jam 9 malam apabila lapan kampung dinaiki air selepas hujan lebat yang tidak berhenti sejak dua hari lalu.

Antara kampung yang terlibat adalah Kampung Sepakat, Kampung Jawa, Kampung Kurnia, Kampung Pianggu, Kampung Setajam, Kampung Sarang Tiong, Sungai Puteri dan Tanjung Gemok.

Timbalan Ketua Polis Daerah Rompin, Asisten Superintendan Zainul Mujahidin Mat Yudin berkata, sembilan pusat pemindah-

an yang telah dibuka itu ialah di SK Sungai Puteri, SK Pontian, SK Janglau, SK Sarang Tiong, SK Pianggu, Balai Raya kampung Sepakat, Surau Bukit Lepas, Dewan Teluk Gading dan Dewan Leban Chondong.

Sementara itu di KUANTAN, 57 orang di sekitar daerah ini dipindahkan ke empat pusat pemindahan iaitu di Balai Raya Kampung Chendor, Balai Polis Sungai Lembing, Sekolah Kebangsaan Galing dan Sekolah Kebangsaan Abdul Rahman Talib.

Manakala lapan laluan sekitar Kuantan tidak dapat dilalui kenderaan akibat dinaiki air selepas hujan lebat mulai turun di daerah ini sejak awal pagi semalam.

Antara laluan terlibat termasuk Kilometer 28 Jalan Kuantan Sungai Lembing yang ditutup untuk semua jenis kenderaan akibat laluan dinaiki air dan berlaku hakisan di kawasan terbabit.

Ketua Polis Daerah Kuantan, Asisten Komisioner Mohd Jasmani Yusoff berkata, tujuh laluan lain, Batu 3, Jalan Kuantan-Gambang, bawah jejambat Jalan Pintasan Kuantan berhampiran Wisma Belia, Indera Mahkota, Jalan Bukit Ubi hadapan Balai Bomba dan Penyelamat Kuantan, Jalan Tok Sira hadapan bangunan Jabatan Kimia Malaysia dan jalan pintasan Bukit-Setongkol-Tanah Putih, Jalan Kuantan-Maran berhadapan Gambang Resort dan Jalan Lim Hoe Lek.



Pusat Pemindahan Banjir Dewan Teluk Gading, Rompin mula dipenuhi mangsa banjir sekitar jam 4 petang semalam.